PROSPEKTUS

SIJIL TAJWID AL-QURAN (STAQ)

KANDUNGAN

Pengenalan

Syarat Kemasukan

Matlamat Program

Modul

Sinopsis Modul

Masa Pembelajaran (*Study Load*)

Yuran Program

Jadual Pengajian

Jadual Semester

Sistem Penilaian

Kelayakan Menduduki Peperiksaan

Skema Pemarkahan

Gred & Transkrip

Penganugerahan Sijil

Syarat Penganugerahan Sijil

PENGENALAN

Program Sijil Tajwid al-Quran (STAQ) merupakan sebuah program pengajian yang ditawarkan khusus untuk mereka yang ingin memperdalami ilmu-ilmu al-Quran. Program sijil ini merupakan suatu program kesinambungan daripada program Asas Tajwid al-Quran (ATAQ) yang bermatlamat untuk mengembangkan ilmu al-Quran di antara masyarakat Muslim di Singapura. Program ini terarah kepada memberikan pemberatan (weightage) kepada kedua-dua aspek 'ilmi (teori) dan juga 'amali (aplikasi). Dengan mengambil pendekatan yang berteraskan kemahiran (skill-based), program ini diharap dapat mempersiapkan peserta dalam bidang pembelajaran al-Quran.

SYARAT KEMASUKAN

Peserta perlu:

1. Berumur sekurang-kurangnya 17 tahun sewaktu pendaftaran.
2. Berkebolehan membaca al-Quran dengan lancar.
3. Mempunyai asas yang kukuh dalam Ilmu Tajwid.
4. Mempunyai kemahiran menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu yang membolehkan dia terlibat secara berkesan dalam program ini dan semasa penilaian.

MATLAMAT PROGRAM

Program ini bermatlamat untuk membangunkan peserta dengan:

1. Memahami dengan lebih mendalam perbahasan mengenai Ilmu Tajwid.
2. Mengaplikasi tajwid dalam bacaan al-Quran.
3. Mengenalpasti kesalahan-kesalahan dalam membaca al-Quran.
4. Membimbing peserta agar dapat membaca al-Quran dengan tajwid yang baik lagi sempurna.

MODUL

No.	Modul	Minggu Pertemuan
1	Pengenalan & Penulisan al-Quran	1
2	Adab al-Quran & Ilmu Tajwid Asas	1
3	Makhraj & Sifat Huruf	3
4	Perbahasan Hukum Nun Sakinah	3
5	Perbahasan Hukum Mim Sakinah	2
6	Perbahasan Maratib al-Ghunnah	1
7	Perbahasan Mad 1	2
8	Perbahasan Mad 2	2
9	Perbahasan Maratib al-Mudud	1
10	Ilmu Tajwid Lanjutan	1
11	Perbahasan Dabt al-Quran	2
12	Perbahasan Waqaf & Ibtida'	4
13	Perbahasan Kalimah & Ayat-ayat Gharibah	2
14	Pengenalan 10 Imam Qiraat	1
15	Perbezaan Tariq al-Shatibiyyah & Tariq al-Jazariyyah	1
16	Talaqqi Mushafahah	4
	Jumlah Minggu Pertemuan	31

"Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya."
(Hadis Riwayat al-Bukhari)

SINOPSIS MODUL

Pengenalan & Penulisan al-Quran

Modul ini bertujuan untuk membimbing peserta mengenali al-Quran sebagai sumber wahyu utama dalam Islam. Modul ini akan mengupas aspek-aspek penting berkaitan dengan al-Quran, termasuk pengertian dan nilai-nilai, sejarah penurunan, serta tatacara yang betul dalam membaca, menghafal, dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Adab al-Quran & Ilmu Tajwid Asas

Modul ini akan membahas etika dan tatacara yang seharusnya diamalkan oleh individu sewaktu berinteraksi bersama al-Quran. Peserta akan memperoleh pemahaman bagaimana hendak menghormati, membaca dan memahami al-Quran dengan benar; serta hukum-hukum yang berkaitan dengan al-Quran.

Makhraj & Sifat Huruf

Modul ini bertujuan untuk memberikan fokus khusus pada aspek-aspek teknikal yang berkaitan dengan makhraj (cara sebutan) dan sifat (ciri-ciri) huruf dalam al-Quran. Peserta akan dibimbing dengan teliti untuk dapat menyebut huruf-huruf al-Quran dengan tepat dan memahami bagaimana ciri-ciri ini mempengaruhi tajwid dan makna ayat al-Quran. Modul ini menekankan pentingnya pemahaman makhraj dan sifat dalam menjaga ketepatan bacaan al-Quran.

Perbahasan Hukum Nun Sakinah

Modul ini akan memberi fokus kepada hukum-hukum khusus yang terkait dengan huruf nun di dalam Ilmu Tajwid. Peserta akan mempelajari hukum izhar, idgham, iqlab, ikhfa' dan lainnya yang terkait dengan huruf nun. Peserta juga akan dibimbing dalam bacaan agar dapat membaca dengan tepat.

Perbahasan Hukum Mim Sakinah

Modul ini akan memberi fokus kepada hukum-hukum khusus yang terkait dengan huruf mim & lam di dalam Ilmu Tajwid. Peserta akan mempelajari hukum dan jenis-jenis mim dan lam sakinah. Peserta juga akan dibimbing dalam bacaan agar dapat membaca dengan tepat.

Perbahasan Mad 1 & 2

Modul ini bertujuan untuk membahas secara mendalam berkaitan dengan hukum-hukum, pembahagian, jenis-jenis dan cara bacaan mad yang pelbagai yang terdapat di dalam al-Quran. Peserta juga akan dibimbing dalam bacaan agar dapat membaca dengan tepat.

Ilmu Tajwid Lanjutan

Modul ini akan membincangkan berkenaan dengan tafkhim & tarqiq pada huruf ra' dan lam pada lafaz al-Jalalah. Peserta juga akan dibimbing cara untuk membezakan antara hamzah washal & qata' dari segi penulisan dan hukumnya; serta cara bacaannya.

SINOPSIS MODUL

Perbahasan Dabt al-Quran

Modul ini akan membahas berkaitan dengan dabt (tanda-tanda) yang digunakan di dalam mushaf yang kita gunakan. Tujuannya adalah supaya pelajar dapat mengenal pasti apakah tujuan tanda itu diletakkan di dalam mushaf.

Perbahasan Hukum Waqaf & Ibtida'

Modul ini akan membahas tatacara menentukan tempat yang sesuai untuk waqaf (berhenti) sewaktu membaca al-Quran. Waqaf pada tempat yang sepatutnya akan membawa signifikasi makna terhadap ayat al-Quran yang dibaca. Para peserta akan mempelajari hukum-hukum waqaf termasuk pembahagian, jenis-jenisnya serta tanda-tanda waqaf.

Perbahasan Kalimah & Ayat-ayat Gharibah

Modul ini akan memperkenalkan para peserta kepada kalimah dan ayat-ayat gharibah yang terdapat di dalam bacaan ikutan imam kita iaitu Ashim melalui riwayat Hafs. Para peserta akan dibimbing dalam mengenal pasti kedudukan ayat-ayat gharibah di dalam al-Quran dan cara bacaannya.

Pengenalan 10 Imam Qiraat

Modul ini bertujuan untuk mendedahkan kepada para pelajar secara ringkas sepuluh Imam Qiraat dari sudut biodata para imam dan juga para perawi yang meriwayatkan bacaan tersebut daripada para imam.

Talaqqi Mushafahah

Para pelajar berpeluang untuk memperbaiki bacaan al-Quran melalui kaedah Talaqqi Mushafahah secara berkumpulan dengan bimbingan guru. Pelajar akan membaca juz 30 bermula daripada surah al-Naba' hingga al-Nas.

MASA PEMBELAJARAN *(STUDY LOAD)*

No.	Perkara	Jam Pembelajaran
1	Kuliah	93
2	Ulang Kaji	10
3	Peperiksaan	6
	Jumlah	109

YURAN PROGRAM

1. **Sijil Tajwid al-Quran (STAQ)**

Yuran Pendaftaran (sekali sahaja):	$50
Yuran Pengajian (bulanan):	$100

2. **Bayaran Yuran Tambahan**

Yuran cetak semula sijil [1]	$25
Yuran cetak semula transkrip [1]	$25

[1] Pelajar/graduan yang ingin meminta cetak semula sijil atau transkrip, mereka hanya boleh berbuat demikian di bawah mana-mana satu daripada sebab berikut:

- Sijil/transkrip hilang.
- Sijil/transkrip rosak. (graduan mesti menyerahkan sijil asal yang rosak sebagai pertukaran dengan yang baharu selepas dikeluarkan)
- Penukaran nama (graduan mesti menyediakan dokumen-dokumen yang relevan dan Kad Pengenalan/Pasport yang dikemas kini, menyerahkan sijil asal sebagai pertukaran dengan sijil baharu apabila dikeluarkan)

JADUAL PENGAJIAN

Hari	Ahad
Masa	10 pagi - 1 tengahari

JADUAL SEMESTER

Modul yang Ditawarkan:

Semester 1	6 modul
Semester 2	10 modul
Jumlah keseluruhan	16 modul

SISTEM PENILAIAN

Pelajar akan dinilai dalam bentuk lisan dan tulisan pada setiap penghujung semester. Tujuan ujian lisan dan tulisan ini adalah untuk mengukur pemahaman dan pencapaian pelajar sepanjang semester. Ia juga membolehkan pensyarah menilai kebolehan dan merekodkan pencapaian pelajar dalam bentuk markah.

KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Pelajar layak menduduki peperiksaan bagi suatu modul jika:

1. Pelajar telah melunaskan segala yuran tertunggak.
2. Peratusan kehadirannya tidak kurang daripada 80% untuk setiap semester. [2]

[2] Pelajar dikehendaki untuk memberi MC/surat kepada pegawai sekiranya tidak dapat hadir ke kelas atau ujian.

SKEMA PEMARKAHAN



Peserta program akan dinilai dari sudut kehadiran (20%) dan peperiksaan (80%) sepanjang sesi pengajian. Peserta juga wajib menghadiri kelas dengan peratusan sebanyak 80% bagi melayakkan diri untuk mengambil ujian lisan dan bertulis.

Penyata Gred Keseluruhan

4.0	Sangat Cemerlang	Menunjukkan pencapaian yang sempurna dan yang terbaik dalam semua mata pelajaran dan aspek
3.7 - 3.9	Cemerlang	Menunjukkan pencapaian yang cemerlang dan antara yang terbaik di dalam kelas
3.4 - 3.6	Sangat Baik	Menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi daripada pencapaian kelas yang sama tetapi tidak mencapai tahap kecemerlangan
3.0 - 3.3	Baik	Menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi daripada pencapaian purata kelas tetapi tidak mencapai tahap sangat baik
2.5 - 2.9	Sederhana	Menunjukan pencapaian yang sama dengan pencapaian purata
2.0 - 2.4	Lulus	Menunjukkan pencapaian yang kurang daripada purata semua pelajar dalam kelas yang sama
0.0 - 1.9	Gagal	Menunjukkan pencapaian yang tidak mencukupi atau penarikan diri daripada sesuatu kursus selepas tempoh yang dibenarkan

SKEMA PEMARKAHAN

Markah Gred Abjad Mata

Markah	Gred	GPA
95 - 100	A+	4
90 - 94	A	4
85 - 89	A-	3.7
80 - 84	B+	3.4
75 - 79	B	3.1
70 - 74	B-	2.8
65 - 69	C+	2.5
60 - 64	C	2.2
55 - 59	C-	1.9
45 - 54	D	1.6
00 - 44	F	0

GRED & TRANSKRIP

Pelajar akan dimaklumkan keputusan lulus atau gagal sekurang-kurangnya sebulan setelah tamat ujian bagi setiap semester. Manakala, transkrip keseluruhan modul-modul bagi tahun tersebut akan diberikan secara tahunan, selewatnya hujung bulan Februari pada tahun berikutnya.

PENGANUGERAHAN SIJIL

Pelajar akan dianugerahkan sijil berdasarkan kepada Himpunan Purata Timbunan Nilai Gred (CGPA) yang terkumpul selepas pengajian ditamatkan. Majlis konvokesyen dijalankan dua tahun sekali.

SYARAT PENGANUGERAHAN SIJIL

Sijil akan dianugerahkan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:

- Telah memenuhi syarat-syarat keperluan Sijil iaitu menamatkan 16 modul bagi keseluruhan program Sijil Tajwid al-Quran (STAQ).
- Mendapat keseluruhan Purata Nilai Gred Terkumpul (GPA) yang tidak kurang dari 2.00.
- Lulus kedua-dua semester.
- Telah melunaskan semua yuran-yuran yang ditetapkan.
- Mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Lembaga Akademik.
- Pengesahan dari Jabatan Akademik.